

KANDUNGAN

BULETIN KHAS
MAULIDURRASUL SAW
1442H - 2020M

Huraian tema: UMMAH RABBANI NEGARA HARMONI <i>Ustazah Nazirah Abu Bakar</i>	2
Biografi Nabi Muhammad SAW	4
Nabi Muhammad SAW tauladan Agung Sepanjang Zaman <i>Dr. Lokman Abd Rahman</i>	5
Silsilah Hanif Rasulullah SAW (ke atas)	7
Ibu Bapa Nabi SAW Ahli Syurga <i>Dr. Zamihan Haji Mat Zin</i>	8
Silsilah Rasulullah SAW (ke bawah)	10
Biografi Ummahat Al-Mukminin	11
10 Sahabat dijanjikan Syurga	12
15 Athar Nabawi	13
10 Hadis berkaitan integriti <i>Dr. Mohd Izwan Md Yusof</i>	16
42 Kelebihan Berselawat Ke atas Nabi Muhammad SAW <i>Dr. Khairul Anwar Mustafa</i>	18
Keajaiban Maulidurrasul SAW <i>Dr. Saadi Awang</i>	19
Terjemahan literal lagu: لَوْ كَانَ بَيْنَنَا الْحَبِيبُ	21

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

Dato' Paimuzi Yahya
Ketua Pengarah, JAKIM

PENASIHAT:

Datuk Abdul Aziz Jusoh
*Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
JAKIM*

KETUA PENGARANG:

Haji Mohd Norizan Abd Ghani
Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM

PENGARANG:

Dr. Zamihan Haji Mat Zin
*Penolong Pengarah Kanan, Bahagian
Penerbitan, JAKIM*

PENYUNTING:

Dr. Zamihan Hj Mat Zin
Bakri Amboala
Nazirah Abu Bakar

PEMBANTU PENGARANG:

Mohd Badrul Amin Abdul Manaf
Nur Suhada Sulaiman

PEMBANTU EDARAN:

Siti Atikah Mohammad
Mohd Suhaidil Shukri



Huraian tema:

UMMAH RABBANI NEGARA HARMONI

Ustazah Nazirah Abu Bakar
Penolong Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM

Mengurus penghijrahan yang berlaku dalam masyarakat memerlukan kekuatan modal insan, ilmu pengetahuan serta kecekapan pengurusan. Ketiga-tiga aspek ini terangkum dalam konsep *Ummah Rabbani Negara Harmoni* yang memberi fokus kepada penambahbaikan urusan duniawi dan ukhrawi bagi memperkasakan umat dan membangun tamadun.

Realiti Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pluralistik pada hakikatnya telah berlaku di zaman Nabi SAW. Walaupun negara Islam Madinah terdiri dari komponen masyarakat majmuk dengan pelbagai agama, bangsa dan bahasa namun mereka menerima sistem pemerintahan Islam secara harmoni dan sejahtera tanpa mengira identiti sebenar mereka.

Sebenarnya senario penyatuan ummah atas kepelbagaian telah difirmankan oleh Allah SWT bermaksud:

“Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami jadikan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu saling berkenalan antara satu sama lain.) Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).”
(Al-Hujurat, ayat 13)

Ayat ini secara jelas membuktikan bahawa perbezaan status komuniti tidak menghalang penyatuan masyarakat. Manakala kekuatan *Ummah Rabbani* terhasil melalui acuan modal insan yang berkualiti.

Dalam konteks Malaysia, teras ini pada hakikatnya telah dimanifestasikan kerajaan dalam pelbagai pelan kemajuan

negara. Sebagai contoh, *Pelan Pembangunan Wawasan Kemakmuran Negara* telah mensasarkan strategi transformasi modal insan dengan memberi fokus kepada penyediaan sumber tenaga yang lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi.

Pembudayaan Ilmu

Pembudayaan ilmu yang sahih dan jitu dalam kalangan umat Islam dapat mengurangkan kepincangan pengaplikasian akidah dan syariat Islam ekoran kejahilan manusia. Namun, rancangan modal insan rabbani tidak dapat dijayakan tanpa konsep keilmuan yang dipasak sebagai agenda teras pembangunan ummah.

Oleh itu, kemajuan dan keharmonian sesebuah negara terletak pada acuan dan pacuan ilmu yang dibentuk berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama dan hikmah serta pangkat Nabi, kemudian dia tergamak mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah.””

Tetapi (sewajarnya dia berkata):

“Hendaklah kamu menjadi golongan Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah SWT dengan ilmu dan amal yang sempurna) kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah dan kerana kamu selalu mempelajarinya.” (Ali Imran, ayat 79)

Petikan ayat suci ini ditafsirkan oleh ulama sebagai satu perincian bagi melahirkan insan rabbani iaitu mereka yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, berusaha



menyampaikannya kepada orang lain serta berpegang teguh dengan agama Allah.

Pengukuhan Pendidikan

Elemen tarbiah merupakan nadi terpenting terhadap kelangsungan sesuatu umat. Matlamat pendidikan adalah membentuk dan menyediakan modal insan yang mampu memikul tanggungjawab dan mendukung nilai-nilai murni yang disasarkan.

Pendidikan rabbani jelas bersangkut paut dengan dua komponen utama terhadap penstrukturan manhaj iaitu komponen pembangunan akhlak dan komponen pembangunan spiritual.

Justeru, pembangunan modal insan rabbani menuntut penyemaian akhlak yang sempurna terhadap individu di samping penjanaan kecerdasan spiritual yang tinggi sehingga merasakan penjiwaan yang mendalam terhadap pengabdian diri kepada Allah SWT.

Pengurusan Serta Pembangunan Advokasi Yang Efektif

Hidup dalam komposisi kepelbagaian budaya, bangsa dan agama di negara ini menuntut kecermatan akal fikiran dan berhemah dalam semua tindakan. Firman Allah SWT:

“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesak dan mematuhi perintah) Allah serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh sambil berkata: “Sesungguhnya aku dari orang Islam (yang berserah diri kepada Allah).” (Fussilat, ayat 33).

Ulama tafsir menjelaskan ayat ini memerintahkan setiap Muslim untuk menzhahirkan kelslaman mereka dengan menyerlahkan identiti Islam, menjadi duta kepada agama, menyampaikan seruan Islam kepada seluruh masyarakat dengan akhlak dan tauladan yang mulia dan bersifat ikhlas kepada masyarakat sekeliling tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Kesimpulannya, ketiga-tiga komponen pembangunan modal insan rabbani sudah pasti membawa keharmonian negara yang dicita-citakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Ia amat bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah Islam.

Imam Al-Ghazali merumuskan ia sebagai satu masalah yang diperlukan bagi menolak keburukan yang sememangnya menjadi tujuan hidup umat manusia demi memelihara lima hak asasi utama. Iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta tanpa mengira agama, bangsa dan jantina.

Ternyata Islam merupakan sebuah agama yang membawa kepada keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat merentasi segala perbezaan yang ada. Keharmonian negara yang terbina berteraskan modal insan rabbani pasti dapat merealisasikan hasrat kehidupan berkualiti dalam sebuah negara yang sejahtera dan diampuni oleh Allah SWT sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Negeri (kamu adalah) negeri yang baik dan (Tuhan kamu adalah) Allah yang maha mengampuni..” (Saba', ayat 15).



BIOGRAFI NABI MUHAMMAD SAW

ﷺ

Nama	: Muhammad bin Abdullah
Bapa	: Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Kaab
Ibu	: Aminah binti Wahhab bin Abdul Manaf bin Zuhrah bin Kilab bin Murrah bin Kaab
Nenek Sebelah bapa	: Fatimah binti Umar Al-Makhzumiyah
Nenek Sebelah ibu	: Burrah binti Abd Uzza bin Usman bin Abdul Dar bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Kaab
Tarikh Lahir	: Isnin sebelum terbit Matahari 12 Rabiul Awal Tahun Ke-53 sebelum hijrah/580 Masihi.
Tempat Lahir	: Makkah al-Mukaramah berhampiran bukit Sofa (rumah Abi Talib) (tempat tersebut telah dibangunkan sebagai Perpustakaan Makkah dan masih wujud sehingga sekarang.
Tarikh diangkat Menjadi Nabi	: 27 Ramadan tahun ke-13 sebelum hijrah/609 Masihi
	: Gua Hira', Makkah Al-Mukarramah
Jantina	: Lelaki
Agama	: Islam
Pekerjaan	: 1. Penggembala kambing 2. Berniaga (Sehingga umur 40 tahun) 3. Bertugas secara rasmi sebagai Nabi/Rasul (Menyampaikan wahyu Allah)
Tanda Istimewa	: Cop kenabian di antara dua bahu. Sentiasa dinaungi bayangan awan ke mana sahaja Baginda pergi.
Sifat-sifat	: Wajah : Putih bersih berseri dan bercahaya Mata : Hitam / Putih Rambut : Hitam berkilat Ketinggian : Sederhana dan dada lapang
Nama Bidan	: Shifa' binti Auf (Um Abdul Rahman)
Nama Penjaga	: Um Aiman
Nama Penyusu	: 1. Tsuwaibah al-Aslamiyah 2. Halimah binti Dzuaib As-Sa'diyah
Keistimewaan	: Rahmat Sekalian Alam
Wafat	: Isnin sebelum tengah hari, 12 Rabiul Awal tahun ke-11 Hijrah/632 Masihi di Madinah Al-Munawwarah.

NABI MUHAMMAD SAW TAULADAN AGUNG SEPANJANG ZAMAN

Dr. Lokman Abd Rahman
Pengarah, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM

NABI Muhammad SAW adalah pemimpin agung sepanjang zaman. Baginda diutuskan sebagai seorang Nabi dan Rasul bukan untuk bangsa Arab semata-mata, tetapi buat seluruh makhluk Allah SWT di alam ini. Baginda bukan saja seorang negarawan terunggul, pahlawan hebat dan ahli politik agung, bahkan seorang suami, bapa dan datuk yang penyayang.

Pemilihan Baginda sebagai sebagai Nabi dan Rasul untuk memimpin umat ini bukan seperti mana seorang perdana menteri atau presiden melalui pilihanraya selepas mendapat undi majoriti rakyat.

Begitu juga tidak seperti perlantikan raja dalam sistem monarki yang terikat dengan susur galur keturunan. Malah tidak sama sekali seperti dalam perkhidmatan awam atau organisasi korporat dilantik menerusi sokongan pihak-pihak berkepentingan untuk menyandang sesuatu jawatan.

Kepimpinan Nabi Muhammad datang terus dari perlantikan Allah SWT tanpa sebarang campur tangan manusia untuk memimpin melalui wahyu. Sebab itu Rasulullah menolak tawaran jawatan raja dari kaum Quraisy kerana Baginda akan terikat dengan kehendak dan syarat yang bertentangan misi para Nabi dan Rasul.

Misi kerasulan Nabi Muhammad mengatasi kehendak kebendaan, pangkat dan pengaruh seperti kelaziman mana-mana jawatan yang menjadi rebutan. Pengutusan Nabi Muhammad adalah membebaskan manusia dari memperhambakan diri kepada manusia kepada beribadah kepada Allah SWT, dari kesempitan dunia kepada alam kehidupan yang luas.

Risalah Baginda yang bermula di Mekah selama 13 tahun telah merubah akidah sesat keberhalaan dan perhambaan manusia bukan hanya di semenanjung Arab, bahkan merangkumi bumi Barat dan Asia Tenggara. Rata-rata dunia termasuk Barat dan Asia dalam kesesatan menyembah batu-batu berhala, pokok, matahari dan jin, serta menjadikan manusia sebagai hamba yang boleh dijual beli dan diwarisi.

Barat yang dikagumi hari ini, sebelum ini penuh dengan peperangan, perhambaan, perebutan kuasa dan kepercayaan sesat serta pemujaan dewa-dewa yang diwarisi dari zaman Greek. Inilah merupakan zaman jahiliah Barat. Mereka mula belajar dari risalah Nabi Muhammad apabila banyak negara-negara Islam dijajah dan berlakunya pemindahan ilmu dan peradaban kepada mereka. Maka tidak hairanlah pengarang dari Barat, Michael H Hart meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai manusia pada kedudukan paling teratas dan berpengaruh dalam bukunya berjudul *100 Most Influential People In The World*.

Namun demikian umat Islam tidak berhajat kepada pengiktirafan Michael H Hart yang kerdil ini. Al-Quran lebih awal merakamkan bahawa Baginda SAW merupakan manusia yang memiliki budi pekerti yang paling agung di jagat raya ini. Allah SWT berfirman:

“*Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) mempunyai budi pekerti yang paling agung.*” (al-Qalam: 4).

Imam al-Tabari sebagai seorang pengkaji sejarah Arab dan umat Islam melalui Tarikh al-Rasul wal-Muluk. Beliau juga merupakan terkenal dengan Tafsir al-Quran, ia itu Tafsir al-Tabari. Beliau menjelaskan bahawa budi pekerti agung yang dimiliki Rasulullah SAW terbentuk daripada didikan al-Quran yang berasaskan syariat Islam.

Oleh itu, seluruh manusia perlu mencontohi setiap yang ada pada diri Rasulullah SAW sebagai sumber inspirasi dalam menjalani kehidupan demi kesejahteraan di dunia dan akhirat. Penjelasan al-Tabari di atas bertepatan dengan firman yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (sewaktu susah dan senang).” (al-Ahzab: 21)

Ayat ini jelas membuktikan kepada kita bahawa sesiapa yang benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat maka dia pasti dapat menjadikan Rasulullah SAW sebagai tauladan utama dalam kehidupannya. Contoh tauladan tersebut terjelma kod etika dalam pentadbiran, pengurusan dan perundangan Islam. Ini diperkuatkan lagi melalui Perlembagan Madinah yang telah digubal oleh Baginda adalah satu-satunya perlembagaan bertulis di dunia.

Baginda SAW selalu mempamerkan adab dan kesopanan dalam interaksinya sesama manusia, tidak kira sama ada kawan atau lawan, bangsa dan keturunan. Rasulullah SAW juga menghiasi dirinya dengan pelbagai sifat mulia seperti *siddiq, amanah, tabligh, fatonah*, berani, menunaikan janji, peramah, sabar, jujur dan berjiwa mulia. Malah, sejak kecil lagi sebelum diutuskan sebagai Nabi dan Rasul, Baginda sudah mempamerkan sifat jujur dan amanah sehinggakan Baginda mendapat kepercayaan masyarakat Quraisy dan diberikan gelaran ‘*al-Amin*’. Kesemua perlakuan ini diterapkan Baginda sebagai ketua negara, pemimpin masyarakat dan ketua keluarga sehingga orang bukan Islam sendiri terpaksa memperakui kebenaran dan kejujurannya.

Ternyata Baginda SAW berjaya menterjemahkan ilmu, iman dan amal dalam mengatur hubungan dengan Allah SWT dan bergaul mesra sesama makhluk. Ini bermakna, sifat takwa kepada Allah SWT akan melahirkan seorang manusia yang bertanggungjawab, berintegriti tinggi dan berakhlak mulia antara manusia, haiwan dan alam seluruhnya. Seorang sahabat Baginda iaitu Hisyam bin Amir RA pernah bertanya Sayyidatina Aisyah RA mengenai akhlak Baginda SAW. Sayyidatina Aisyah menjawab:

Akhlah Nabi SAW adalah al-Quran.

(Riwayat Muslim)

Dalam urusan dakwah, Rasulullah berurusan dengan pelbagai ragam, perangai dan sikap manusia dalam usahanya untuk menyampaikan seruan Islam. Ada yang menerima dengan mudah dan tidak kurang juga mereka enggan mendengar, malah melawan dengan pelbagai tentangan secara fizikal dan emosi. Bayangkan betapa sukarnya Baginda menghadapi tentangan dari golongan musyrikin Makkah, Ahli Kitab (Yahudi dan Kristian) dan golongan munafiq di zamannya.

Walau bagaimana pun, Allah SWT seringkali mendidik, memberi motivasi dan menyeru Rasulullah SAW supaya sentiasa bertolak ansur dengan mereka selain mendoakan mereka agar beroleh hidayah. Pendekatan ini menepati firman Allah SWT,

“Maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.” (Ali Imran: 159)

Kisah kehidupan Nabi Muhammad SAW ini bukan hanya untuk dibaca atau didengarkan saja setiap kali sambutan kelahiran Baginda, tetapi untuk dijadikan contoh dalam kehidupan kita. Bagi umat Islam yang mengaku sayangkan Nabi SAW pastinya mereka akan mengikuti kesemua ajaran yang dibawa Baginda SAW secara menyeluruh sama ada merangkumi perkara yang disuruh atau yang dilarang Baginda SAW. Bahkan sentiasa mencintai dan mengutamakan Baginda SAW berbanding manusia keseluruhannya.

Inilah manifestasi kesempurnaan iman sebagaimana sabda Nabi SAW:


“Tidak sempurna keimanan kamu sehingga aku ini lebih kamu cintai berbanding kedua ibu bapamu, anak pinak kamu dan seluruh manusia.” (al-Bukhari).

Oleh yang demikian, bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul SAW kali ini marilah kita sama-sama beriltizam dengan sunnah Nabi SAW, dari sekecil-kecil hingga sebesar-besar urusan kehidupan dengan kadar daya upaya masing-masing. Semoga kita memperoleh kebaikan yang melimpah di dunia dan di akhirat.



SILSILAH عَلَيْهِ السَّلَام HANIF RASULULLAH SAW (KE ATAS)

Nasab Adnan berakhir
pada Sayyidina Isma'il
bin Ibrahim As



IBU BAPA NABI SAW AHLI SYURGA

Dr. Zamihan Mat Zin al-Ghari
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penerbitan
JAKIM

Ada seorang lelaki pernah menuduh ibu bapa Nabi SAW masuk neraka. Apabila isu itu diajukan kepada Al-Qadhi Abu Bakar al-'Arabi al-Maliki lantas beliau menjawab bahawa lelaki berkenaan dilaknat oleh Allah SWT. Katanya:

“*Sesungguhnya mereka yang mencaci Allah dan Rasul-Nya dilaknat oleh Allah di dunia dan akhirat serta disediakan bagi mereka azab yang hina. Dan tiadalah perkara yang lebih menyakitkan Rasulullah SAW selain menyatakan ayah Baginda diazab di dalam neraka.*”

Para Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bersepakat dalam menjelaskan bahawa Ibu bapa Baginda SAW terdiri dalam kalangan ahli fatrah. Iaitu mereka yang hidup di zaman tidak diutuskan Nabi AS. Kedua-dua mereka tidak menyahut seruan dakwah kerana ketika itu Nabi SAW masih dalam kandungan. Manakala antara kerasulan Rasulullah SAW dengan Nabi Isa AS mempunyai tempoh selama 500 tahun tidak ada Nabi yang diutuskan. Maka mereka dikenali sebagai generasi ahli fatrah. Walaupun tidak sampai seruan dakwah tetapi mereka tidak boleh dipersalahkan atas faktor berkenaan.

Firman Allah SWT:

“*Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapa pun sebelum kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).*” (QS: Al-Isra', 15)

Imam Baijuri berkata:

“*Apabila kamu mengetahui bahawa ahli fatrah adalah golongan yang terselamat (di akhirat) menurut pendapat yang terpilih, maka kamu juga akan mengetahui bahawa kedua-dua ayahanda dan bonda Rasulullah juga terselamat, disebabkan mereka juga tergolong dalam kalangan ahli fatrah. Bahkan semua nenek moyang Rasulullah terselamat dan dihukumkan sebagai generasi yang beriman dan tiada seorang pun di antara mereka yang (terjebak di dalam kancan) kekufuran, kekotoran serta perkara-perkara yang mengaibkan (menjatuhkan maruah) yang dilakukan oleh kaum Arab Jahiliyyah.*”

KETURUNAN RASULULLAH KETURUNAN TERPILIH NAN MULIA

Rasulullah SAW bersabda:

“*Sesungguhnya Allah telah menjadikan makhluk, lalu Dia menjadikan aku dari sebaik-baik makhluk, dari sebaik-baik kurun. Kemudian Allah memilih qabilah-qabilah, maka Dia memilih aku dari sebaik-baik qabilah. Kemudian Dia memilih keluarga, maka Dia menjadikan aku dari sebaik-baik keluarga. Maka aku adalah yang terbaik daripada kalangan mereka pada diri dan juga keluarga.*” (HR Ahmad).

Rasulullah SAW bersabda:

“*Aku telah keluar daripada hasil nikah dan bukan daripada keturunan yang rosak, sedangkan aku adalah daripada keturunan Adam sehingga telah dilahirkan aku oleh Ibu dan Ayahku sedang aku tidak pernah ditimpa sebarang perbuatan jahat orang jahiliah.*” (HR Abu Nuaim, al-Thabari dan Ibn 'Asakir).

Rasulullah SAW bersabda:

“*Allah sentiasa memindahkan aku dari sulbi yang baik ke dalam rahim yang bersih, suci dan memberi petunjuk. Tidaklah tumbuh dua cabang kecuali aku yang terbaik.*” (HR Ibnu Asakir dan Ibnu Abbas)

NASAB BAGINDA SUCI DARIPADA SYIRIK

Jalur keturunan Baginda SAW sampai kepada Nabi Ibrahim. Kesemuanya mengamalkan agama Hanif yang menyembah Allah. Bukan sahaja tidak dinodai zina, bahkan mereka dalam kalangan mereka yang bersujud. Keimanan nasab ini bukti makbulnya doa Nabi Ibrahim yang bermunajat,

“Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua (Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail): orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.” (Al-Baqarah: 128).

Allah SWT berfirman:

“Yang melihat pergerakan dirimu di antara orang-orang yang sujud.” (QS: Asy-Syu'ara', 218-219)

Sayyidina Ibn Abbas RA mentafsirkan firman Allah ini sebagai perpindahan benih daripada sulbi seorang Nabi ke sulbi Nabi seterusnya ke dalam sulbi dari kalangan para Sajidiin (yang sujud dan beriman kepada Allah).

Kadangkala, berlaku salah faham terhadap hadis berikut:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيْنَ أَبِي؟ قَالَ: فِي النَّارِ.
فَلَمَّا قَفَى دَعَاهُ فَقَالَ: إِنَّ أَبِي وَأَبَاكَ فِي النَّارِ

Daripada Anas r.a. bahawa ada seorang lelaki berkata: “Wahai Rasulullah, ayahku berada di mana?” Nabi SAW menjawab: “Di dalam neraka.” Apabila lelaki itu berpaling pergi, Baginda SAW, memanggilnya lalu bersabda: “Sesungguhnya ayahku dan ayahmu di dalam neraka.” (HR Muslim)

Jawapan:

Lafaz ‘Ayah’ dalam hadis ini bermaksud ‘ayah saudara’ Nabi SAW. Adat bangsa arab, kalimat ‘Abi’ yang bermakna ‘ayah’ di situ membawa makna umum, ia tidak semestinya bermakna

bapa kandung. Boleh jadi ia bermaksud bapa saudara. Kalimat yang paling tepat untuk ayah kandung ialah ‘Walid.’

Kata-kata Nabi SAW ini bertujuan agar lelaki tersebut lembut hati, tidak kembali murtad dan tidak mengeluarkan kata-kata sumpahan dan caci-maki terhadap Rasulullah SAW kerana lelaki ‘Arabi terkenal dengan sikap degil dan keras hati. Ia juga suatu strategi untuk menarik lebih ramai kaum kerabatnya memeluk Islam.

Al-Quran merekodkan bahawa Nabi Ibrahim AS pernah berdoa supaya ‘Abi’nya diampunkan, tetapi dilarang oleh Allah. Namun, pada ayat lain, Nabi Ibrahim berdoa supaya ‘Walid’nya diampunkan, hal ini dibenarkan Allah. Perbezaan dua keadaan ini menunjukkan ada perbezaan antara makna ‘Abi’ untuk ayah saudara dengan ayah kandung.


Sebelum menghembuskan nafas terakhir, Sayyidatina Aminah sendiri pernah berwasiat kepada Nabi Muhammad yang ketika itu berusia 5 tahun. Rasulullah sewaktu itu menemani ibunya yang sedang sakit tenat. Ibunya berkata:

“Semoga Allah memberkatimu dari kecil, wahai anak dari ayahandanya (Abdullah) yang ditaqdirkan mati, tetapi telah terselamat dengan pertolongan Allah Raja Yang Memberikan Nikmat, dia telah ditebus pada keesokan paginya ketika hendak disembelih dengan seratus ekor unta yang mahal. Sekiranya benar apa yang telah aku saksikan ketika tidur, engkau akan diutuskan kepada sekalian makhluk; dari sisi Tuhan Yang Mempunyai Keagungan dan Kemuliaan; Engkau akan diutuskan di Tanah Halal dan Haram; diutuskan juga dengan kebenaran dan Islam, agama datukmu Ibrahim yang mulia, maka Allah telah menghalangmu daripada mendekati berhala supaya kamu tidak menyembahnya bersama kaum Jahiliyyah.”

Bersama kita renungkan jika Baginda SAW merupakan manusia terpilih dan sebaik-baik makhluk maka sudah tentu status ini turut merangkumi ibu bapa Baginda SAW. Jika makam yang menempatkan jasad Rasulullah itu paling mulia di atas muka bumi maka mana mungkin ibu bapa Baginda SAW dipandang hina oleh Allah yang maha Bijaksana. Wallahualam.

SILSILAH

RASULULLAH SAW (KE BAWAH)



BIOGRAFI UMMAHAT AL-MUKMININ

TAHUN KELAHIRAN	TAHUN WAFAT	TEPOH USIA	USIA SAAT MENIKAH	TAHUN PERNIKAHAN	USIA RUMAH TANGGA	USIA SAAT NABI WAFAT	SUKU ASAL	STATUS SEBELUM DIKAHWINI	ANAK BERSAMA NABI
KHADIJAH BINTI KHUWAILID RA									
68 SH	3 SH	65 Tahun	40 Tahun	28 SH	25 tahun	Wafat sebelum Nabi SAW	Quraisy	Janda 2 kali, 4 anak	6 anak, 2 anak meninggal sejak kecil
SAUDAH BINTI ZUM'AH RA									
Tidak diketahui	54 H	Tidak diketahui	50 Tahun	3 SH	14 Tahun	Tidak diketahui	Quraisy	Janda, 4-5 anak	-
AISYAH BINTI ABU BAKAR RA									
7 SH	58 H	65 Tahun	9 Tahun	2 H	9 Tahun	18 Tahun	Quraisy	Perawan	-
HAFSAH BINTI UMAR RA									
18 SH	45 H	63 Tahun	21 Tahun	3 H	8 Tahun	29 Tahun	Quraisy	Janda	-
ZAINAB BINTI KHUZAIMAH RA									
26 SH	4 H	30 Tahun	29 Tahun	3 H	8 Bulan	Wafat sebelum Nabi SAW	Quraisy	Janda 2 kali	-
UMMU SALAMAH BINTI ABU UMAYYAH RA									
24 SH	61 H	85 Tahun	28 Tahun	4 H	7 Tahun	35 Tahun	Quraisy	Janda 2 kali, 4 anak	-
ZAINAB BINTI JAHSY RA									
32 SH	21 H	53 Tahun	38 Tahun	5 H	6 Tahun	43 Tahun	Quraisy	Janda	-
JUWAIRIYAH BINTI AL-HARITS RA									
14 SH	56 H	70 Tahun	19 Tahun	5 H	6 Tahun	25 Tahun	Yahudi Bani Mustaliq	Janda	-
SOFIYYAH BINTI HUYAY RA									
9 SH	50 H	59 Tahun	16 Tahun	7 H	4 Tahun	20 Tahun	Yahudi Bani Nadir	Janda 2 kali	-
RAMLAH BINTI ABU SUFYAN RA									
25 SH	44 H	69 Tahun	32 Tahun	7 H	4 Tahun	36 Tahun	Quraisy	Janda	-
MAIMUNAH BINTI AL-HARITS RA									
29 SH	51 H	80 Tahun	36 Tahun	7 H	4 Tahun	40 Tahun	Quraisy	Janda	-
HAMBA									
MARIYAH AL-QIBTHIYAH RA									
Tidak diketahui	16 H	Tidak diketahui	Tidak diketahui	19 SH	Tidak diketahui	Tidak diketahui	Qibti, Romawi	Hadiah	1 anak

10 SAHABAT DIJANJIKAN SYURGA

NAMA PENUH	GELARAN	TAHUN KELAHIRAN	TEMPAT LAHIR	TAHUN WAFAT	TEMPAT WAFAT	TEMPOH USIA	UMUR KETIKA MEMELUK ISLAM	KETURUNAN
ABU BAKAR AS-SIDDIQ RA								
Abdullah bin Abi Quhafah	As-Siddiq	572 M	Mekah	13 H	Madinah	63 Tahun	38 Tahun	Bani Tamim
UMAR AL-KHATTAB RA								
Umar bin Al-Khattab bin Nufail bin Abdul Uzza	Al-Faruq	584 M	Mekah	23 H	Madinah	63 Tahun	33 Tahun	Bani Adi
UTHMAN BIN AFFAN RA								
Uthman bin Affan bin Al-As	Zu Nur Ain	576 M	Mekah	35 H	Madinah	82 Tahun	35 Tahun	Bani Umayyah
ALI BIN ABI TALIB RA								
Ali bin Abi Talib bin Abdul Muttalib	Abu Al-Hassan, Abu Thurab	601 M	Mekah	40 H	Kufah	63 Tahun	10 Tahun	Bani Hasyim
AL-ZUBAIR BIN AL-AWWAM RA								
Zubair bin Al-Awwam	Abu Abdullah, Hawari Rasulullah	650 M	Mekah	36 H	Mesir	66 atau 67 Tahun	15 Tahun	Bani Asad
ABU UBAIDAH AL-JARRAH RA								
Amir bin Abdullah bin Al-Jarrah bin Hilal Al-Fihri Al-Quraisy	Abu Ubaidah Al-Jarrah	Sekitar 585 M	Mekah	18 H	Syam	58 Tahun	27 Tahun	Bani Al-Harith bin Fihri
TALHAH BIN UBAIDILLAH RA								
Talhah bin Ubaidillah bin Uthman	Abu Muhammad	597 M	Mekah	36 H	Mesir	64 Tahun	16 Tahun	Bani Tamim
SA'AD BIN ABI WAQAS RA								
Sa'ad bin Malik bin Uhaid bin Abd Manaf Az-Zuhri	Faris Al-Islam	600 M	Mekah	55 H	Madinah	80 Tahun	17 Tahun	Bani Zuhrah
ABDUL RAHMAN BIN AUF RA								
Abdul Rahman bin Auf bin Abdul Auf bin Al-Harith	Abdul Rahman bin Auf	580 M	Mekah	32 H	Madinah	74 Tahun	30 Tahun	Bani Zuhrah
SAID BIN ZAID RA								
Said bin Zaid bin Amr bin Nufail bin Abdul Uzza Al-Adawi	Said bin Zaid	601 M	Mekah	51 H	Madinah	70 Tahun	13 Tahun	Bani Adi
BILAL BIN RABAH RA								
Bilal bin Rabah	Muazzin Rasulullah	573 M	Mekah	20 H	Syam	69 Tahun	37 Tahun	Bani Jumah

ATHAR NABAWI

Barang Peninggalan Nabi Muhammad SAW



قميص النبي محمد صلى الله عليه وسلم
الشمع صل وسلم على سيدنا محمد وعلى آله واصحابه سيدنا محمد
الذي يكسوه الله يوم القيامة حلة خضرا يعرفه بها العباد ظرا

Baju Rasulullah SAW




Bahagian dari baju Rasulullah SAW



Jubah Rasulullah SAW

Pedang Rasulullah SAW



Al Makhzam

Al Qazeeb


Al Rasooob



Al Azab

Al Battar

Al Masoor



Hatf

Qalee

Zulfikar

Gagang Pedang Hatf Rasulullah SAW



سيف رسول الله عليه الصلاة والسلام

Sandal atau selipar Rasulullah SAW



سليپر انبى ﷺ
SLIPERS ATTRIBUTED TO PROPHET
MUHAMMAD ﷺ

Rida' Rasulullah SAW



Rida' (Selendang) Nabi Muhammad SAW



Kunci Kaabah zaman Rasulullah SAW



Bekas Kotak Gigi Rasulullah SAW



Beberapa Helai Rambut Nabi SAW



Helai Janggut Rasulullah SAW



Bendera Rasulullah SAW



Surat Nabi SAW kepada Raja Najjashi, Raja Habsyah




Surat Nabi SAW kepada rakyat Oman, Arab Selatan



Tongkat Rasulullah SAW




Butiran pasir yang diambil dari Makam Nabi SAW



Surat Nabi SAW kepada Kaisar Romawi abad ke-7



Surat Nabi SAW kepada Raja Hercules





Serban Rasulullah SAW



Topi Besi Rasulullah SAW



Busur panah Rasulullah SAW




Baju Zirah Perang Rasulullah SAW



Cap Surat Rasulullah SAW



Mangkuk Tempat Minum Rasulullah SAW



Tapak Kaki Rasulullah SAW



Gigi Rasulullah SAW



10 HADIS BERKAITAN INTEGRITI NABI SAW

Dr. Mohd Izwan Md Yusof
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian
Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM

1 AMANAH

Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Peniaga yang amanah lagi benar bersama para Nabi, Siddiqin, Syuhada dan orang soleh."*

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam al-Sunan hlm 515 jld 3 dan al-Hakim dalam al-Mustadrak hlm 6 jld 2.

2 KELEBIHAN BEKERJA

Daripada Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW:

"Siapa yang mencari dunia yang halal untuk menjauhkan diri daripada meminta-minta, dan berusaha untuk keluarganya dan untuk berbaik dengan jirannya maka dia akan dibangkitkan oleh Allah pada hari Kiamat dalam keadaan mukanya bagaikan bulan purnama. Dan barangsiapa yang mencari dunia halal untuk memperbanyak, berbangga dan sombong, akan bertemu dengan Allah pada hari kiamat dalam keadaan Allah murka padanya."

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Laith al-Samarqandi di dalam Tanbih al-Ghafilin, Bab 61, Ibn Abi Syaibah hlm 16 jld 7, Abu Nuaim dalam Hilyah al-Auliya' hlm 110 jld 3 dan Musnad Ahmad hlm 436 jld 2.

3 TEKUN DAN DEDIKASI DALAM PEKERJAAN

Daripada Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu kerja, ia laksanakan dengan cemerlang."

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Ya'la al-Tabrani dalam al-Khabir.

4 BERAKHLAK MULIA

Daripada Abu Zar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Bertakwalah kepada Allah di mana saja kamu berada. Dan ikutilah kejahatan dengan mengerjakan kebaikan, nescaya kebaikan dapat menghapuskan kejahatan berkenaan. Dan berakhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik."

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam al-Musnad hlm 153 jld 5, al-Tirmizi dalam al-Sunan hlm 355 jld 4. Beliau berkata: *"Hadis ini hadis hasan sahih."*

Al-Hakim dalam al-Mustadrak hlm 54 jld 1 dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman hlm 245 jld 6. Hadis ini sahih dengan jalan-jalan dan syawahidnya.

5 MEMELIHARA WAKTU DENGAN IMAN DAN AMAL

Daripada Ibn Abbas RA berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

"Dua nikmat yang kebanyakan manusia rugi (kecewa) dalam menerima keduanya iaitu nikmat sihat dan waktu lapang."

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bernombor 6412, Imam Ahmad dalam Musnadnya 344 jld 1, al-Tirmizi dalam kitab al-Zuhud bernombor 2304, Ibn Majah dalam al-Zuhd 4170 dan al-Baihaqi dalam al-Sunan hlm 370 jld 3.

6 ISTIQAMAH

Daripada Abi' Amrah Sufyan bin Abdillah RA katanya: Aku bertanya: *"Hai Rasulullah, ajarlah kepadaku berkenaan Islam satu perkataan yang yang baik yang mana aku tidak perlu bertanya seseorangpun selainmu. "Sabdanya: "Katakanlah: Aku beriman dengan Allah kemudian beristiqamahlah."*

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim, al-Baihaqi dalam al-Sunan hlm 76 jld 1, Ahmad dalam Musnadnya hlm 371 jld 5, dan al-Daraqutni dalam al-Sunan hlm 45 jld 3.

7 MENJAUHI SIFAT MALAS

Daripada Anas bin Malik RA daripada Rasulullah SAW pernah melafazkan dalam doanya:

"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada keluh kesah dan dukacita, aku berlindung kepada-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, aku berlindung kepada-Mu daripada rasa penakut dan kikir, dan aku berlindung kepada-Mu daripada bebanan hutang dan penindasan."

Hadis sahih ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam musnad hlm 113 jld 3, al-Bukhari dalam Sahihnya bernombor 2823, Muslim dalam Sahihnya bernombor 2706, Abu Daud dalam al-Sunan hlm 189 jld 2, dan al-Nasa'ie hlm 649 jld 4.

8 CONTOH YANG BAIK

Daripada Ibn Umar RA Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Allah Ta'alam mempunyai hamba-hamba yang mengkhususkan mereka untuk menunaikan keperluan hajat manusia. Mereka bersegera kepada golongan ini untuk meminta bantuan. Mereka itulah golongan yang aman dan terlepas daripada azab Allah."

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam Mu'jam al-Kabir hlm 358 jld 12 no 13334, Abu Nu'a'im dalam al-Hilyah hlm 225 jld 3 dan Ibn Abi' Adi dalam al-Kamil hlm 190 jld 4.

9 IKHLAS

Daripada Amir al-Mukiminin Abi Hafsa Sayyidina Umar bin al-Khattab RA katanya, aku mendengar Rasulullah SAW:

"Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niatkan. Maka sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa yang berhijrah kerana dunia untuk dia memperolehinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya itu mengikut apa yang dia hijrah kepadanya."


Hadis sahih ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam permulaan kitab Sahihnya, Muslim 1907, Abu Daud 2201, al-Tirmizi 1646, Ibn Majah 4227, al-Nasa'i 1/59-60, Imam Ahmad dalam al-Musnad 1/25 dan 43, al-Daraqutni, Ibn Hibban dan Al-Baihaqi.

10 MEMUDAHKAN

Daripada Anas bin Malik RA bahawa Nabi SAW bersabda:

"Permudahkanlah dan jangan menyusahkan dan berilah berita gembira dan jangan menakutkan manusia."

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam al-Sahih hlm 196 jld 1) bernombor (69) dan Muslim dalam Sahihnya hlm 1359 jld 3 bernombor (1734).



42 KELEBIHAN BERSELAWAT KE ATAS NABI MUHAMMAD SAW

Dr. Khairul Anwar Mustafa

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM

Imam Al-Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani Al-Hasani RHM pernah menyatakan tentang kelebihan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW di dalam kitabnya *al-Safinah al-Qadiriyyah*. Beliau meriwayatkan daripada Ibn Farhun yang berkata: **“Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW itu mempunyai empat puluh dua kelebihan.”** Hal ini tertulis di dalam kitabnya *Hadaiq al-Anwar* iaitu:

1. Melaksanakan perintah Allah SWT.
2. Bersamaan dengan selawat Allah kepada Rasulullah SAW.
3. Bersamaan dengan selawat para Malaikat.
4. Mendapat ganjaran sepuluh kali selawat daripada Allah atas setiap kali selawat yang diucapkan.
5. Dikurniakan oleh Allah sepuluh darjat atas tiap-tiap satu selawat.
6. Dituliskan oleh Malaikat sepuluh kebaikan atas setiap selawat.
7. Dihapuskan oleh Allah sepuluh kejahatan atas setiap selawat.
8. Segala doa akan diperkenankan oleh Allah.
9. Mendapat syafaat daripada Rasulullah SAW.
10. Mendapat keampunan Allah serta akan ditutup segala keaiban.
11. Allah akan menutupi segala perasaan dukacita.
12. Dikurniakan maqam hampir kepada Rasulullah SAW.
13. Mendapat darjat *al-Sidq*.
14. Ditunaikan segala hajat.
15. Salam sejahtera pada hari kiamat.
16. Allah dan para Malaikat akan berselawat ke atas individu yang berselawat.
17. Mendapat khabar gembira daripada Allah dengan balasan syurga.
18. Salam sejahtera pada huru-hara hari kiamat.
19. Rasulullah SAW akan menjawab secara langsung ke atas setiap selawat yang dilafazkan.
20. Mudah mengingat semula perkara-perkara yang lupa.
21. Mendapat kedudukan yang baik pada hari kiamat serta tidak akan kecewa pada hari itu. Tidak akan merasai fakir.
22. Terpelihara daripada dihindangi sifat bakhil.
23. Mendapat kesejahteraan daripada doa Rasulullah SAW kepada yang berselawat.
24. Selawat akan menjemput setiap pengucapannya ke jalan syurga.
25. Menjauhkan seseorang itu daripada terlibat dalam majlis-majlis yang tidak disebut padanya nama Allah dan Rasul-Nya atau daripada majlis-majlis *lagha*.
26. Berselawat menyempurnakan kalam pujian Allah apabila disebut (di dalam doa), maka akan disambut selepas itu dengan kalimah selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
27. Selamat melintasi titian *Sirat al-Mustaqim* pada hari kiamat.
28. Disambut oleh Allah pada hari kiamat dengan kata-kata pujian yang lunak.
29. Mendapat balasan rahmat yang luas daripada Allah SWT.
30. Mendapat keberkatan daripada Allah.
31. Mendapat kesempurnaan iman.
32. Kasih dan cinta kepada Rasulullah SAW.
33. Mendapat hidayah Allah dan dikurniakan hati yang sentiasa hidup mengingati Allah.
34. Setiap selawat yang dibaca akan dibentangkan di hadapan Rasulullah SAW secara langsung.
35. Teguh pendirian dengan kebenaran.
36. Berselawat bererti kita menggunakan sebahagian hak-hak Rasulullah SAW ke atas diri kita.
37. Berselawat bermaksud mensyukuri nikmat Allah yang mengurniakan dan mengutuskan Rasulullah SAW kepada kita.
38. Berselawat juga bererti *zikrullah*, bersyukur serta mengikut segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
39. Berselawat bererti melengkapkan pengertian berdoa dan memohon kepada Allah, ke atas Rasulullah SAW dan kepada diri sendiri.
40. Antara kelebihan yang paling hebat kepada setiap individu ialah akan terjelma gambaran Rasulullah SAW di dalam jiwanya.
41. Dikurniakan oleh Allah maqam seorang Syeikh dan Murabbi.
42. Mendapat kebahagiaan dan ketenangan hidup di dunia dan akhirat.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

KEAJAIBAN MAULIDUR RASUL SAW

Dr. Saadi Awang

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan, JAKIM

Perita hebat keputeraan Nabi SAW bukannya satu mitos atau rahsia terpendam. Malah ia telah diwahyukan oleh Allah melalui kitab-kitab terdahulu seperti Zabur, Taurat, Injil, Suhuf Ibrahim dan melalui lisan para Nabi-nabi AS yang diutuskan sebelum Baginda SAW.

Kisah hebat ini tidak mampu difahami secara hakiki melalui kaca mata penelitian dan manhaj sejarah semata-mata. Tetapi keunikannya mampu diselami dengan mempelajari, mengkaji dan menghayati sirah Baginda SAW secara holistik. Antara keajaiban yang berlaku mengiringi keputeraan Baginda Nabi SAW ialah:

1. Terpancar Nur yang menyinari Timur dan Barat

Pada hari Isnin menghampiri subuh pada detik 12 Rabiul Awwal, 50 hari selepas kekalahan tentera bergajah Abrahah bersamaan 29hb Ogos 580 Masihi maka lahirlah seorang bayi yang mulia di perkampungan Bani Hasyim. (Dr. Ali Muhammad Muhammad al-Thalabi, 2001, al-Sirah al-Nabawiyah Ardh Waqa'ie Wa Tahlil Ahdath, hlm 56).

Sewaktu Baginda SAW dilahirkan, maka terpancar Nur yang menyinari Timur dan Barat. Taktala Jibril AS memotong tali pusat Baginda SAW dari ibunya, kemaluannya sudah dikhatankan dan dalam keadaan beliau mengangkat jari telunjuknya ke langit seolah-olah mengagungkan kebesaran Allah SWT. (Prof. Dr. Sheikh Abd al-Halim Mahmud, 1990, Muhammad Rasulullah SAW, Dar al-Kitab al-Misr: Kaherah, hlm 81)

Bondanya Aminah binti Wahhab Ketika menceritakan detik indah keputeraan Baginda SAW berkata: "Ketika aku melahirkannya maka keluarlah nur yang memancar hingga ke kawasan antara timur dan barat. Nurnya menerangi istana di Syam dan barisan kedainya sehingga dapat dilihat leher unta di Busra." (Abu al-Farj Nur al-Din Ali bin Ibrahim Ahmad al-Halabi, 2002, Sirah al-Halabiyah) Lantaran kebebasan nurnya yang terpancar, maka sesetengah ulama

menamakan bulan *Rabiul Awwal* sebagai bulan *Rabiul Anwar* yang bermaksud *Rabi'* yang bercahaya. (Abu Bakar al-Jazairi, 2004, Haza al-Habib Muhammad Ya Muhib, Dar la-Hadith: Kaherah, hlm 52).

2. Runtuh singgahsana Raja Parsi

Aura keputeraan Nabi SAW yang terpancar turut menggoncangkan dan meruntuhkan singgahsana indah dan teguh yang dibina Anu Syarwan Maharaja Parsi. Runtuhnya bukan kerana struktur binaan yang rosak, bahkan Allah SWT ingin menzahirkan tanda-tanda kelahiran Nabi SAW yang nyata di muka bumi. (al-Halabi, hlm 105).

3. Api sembah Parsi terpadam

Pada malam keputeraan Baginda SAW semua api yang disembah di rumah ibadat di Negara Parsi terpadam. Walhal kawasan berkenaan terlalu panas disebabkan pancaran api sembah mereka pada sesuatu masa. (al-Halabi, hlm 106) Api sembah berkenaan turut dijaga rapi dan tidak pernah sesekali terpadam atau malap. (Mohd Sofwan Amrullah, 1999, Terjemahan Berzanji Lengkap, Pustaka Ilmu: Batu Caves, Selangor).

4. Tasik Sawah Wadi Samawah berair

Di Antara keajaiban malam keputeraan Nabi SAW juga ialah melimpahnya air tasik Sawah yang terletak di antara Hamazan dan Qum, Iran yang kekeringan sebelumnya kerana terputus sumber air di bahagian hulunya sehingga ke padang pasir berhampiran. Demikianlah Allah SWT memanifestasikan kehebatan dan keberkatan yang dilimpahkanNya ke atas Nabi SAW sebagai rahmat bagi sekalian alam. Situasi sama dialami dan disaksikan oleh ibu susuan Baginda SAW Halimatus Saadiah. Kehidupan keluarganya dalam keadaan miskin dan kemarau teruk bertukar bahagia dengan limpahan keberkatan yang tidak terhitung. Kawasan rumput yang kekeringan tetiba bertukar menjadi hijau segar.

Manakala binatang peliharaan mereka seperti kambing dan unta mengeluarkan susu tanpa henti tatkala Nabi Muhammad SAW berada di bawah jagaannya.

5. Terbit bintang Nabi Muhammad SAW

Pada malam keputeraan Nabi SAW terbit satu bintang menandakan Baginda SAW sebagai Rasul akhir zaman yang ditunggu-tunggu.

Ibn Hisyam menjelaskan: "Hassan bin Tsabit berkata: Demi Allah SWT ketika aku berumur antara tujuh atau lapan tahun aku mengingati apa yang aku dengar. Ketika aku mendengar seorang pendita Yahudi melaungkan suaranya di suatu tempat yang tinggi di Madinah: Wahai semua Yahudi!.. maka berhimpunlah mereka. Lalu mereka berkata: Apakah semua ini? Pendita Yahudi itu berkata: Telah muncul semalam bintang Ahmad yang menunjukkan bahawa dia telah dilahirkan." (Ibn Hisyam, 1998, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Dar al-Fikr, Beirut, jld 1, hlm 135)

Imam Ibn Katsir menyifatkan bahawa bintang merah yang terbit di sudut langit merupakan satu tanda yang khusus kelahiran seorang Nabi yang terakhir. (Ibn Katsir, 1993, *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, Dar al-Ihya Turath al-Arabi: Beirut, jld 2, hlm 327) Sebenarnya panggilan nama Ahmad oleh orang Yahudi di atas adalah merujuk kepada Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang termaktub di dalam kitab Zabur, Taurat dan Injil. (Muhammad Yusof al-Kandahlawi, 1993, *Hayat al-Sahabah*, Maktabah al-Thaqafi: Kaherah, jld 1, hlm 33)

Manakala nama Muhammad SAW dan Ahmad pula disebut secara rasmi dan meluas di dalam al-Quran al-Karim. Hakikatnya nama Ahmad dan Muhammad SAW merujuk kepada peribadi yang satu sahaja.

6. Iblis meraung dan meratap

Imam Ibn Katsir menjelaskan: "Sesungguhnya iblis yang dilaknat meratap sebanyak empat kali ratapan. Iaitu ketika dia dilaknat, ketika diturunkan dari syurga, ketika dilahirkan Nabi SAW dan ketika turunnya surah al-Fatihah." (Ibn Katsir, 1993, *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, Dar al-Ihya Turath al-Arabi: Beirut, jld 2, hlm 326)

Kesimpulannya, keputeraan Baginda Nabi SAW menyaksikan kepada kita pelbagai perkara menakjubkan berlaku sesuai dengan kedudukan dan ketinggian martabat Baginda SAW sebagai makhluk paling mulia, detik paling bersejarah dan rahmat bagi sekalian alam. Maka benarlah firman Allah SWT:

"Tidak kami utuskan Dikau (Wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."
(Surah al-Anbiya', 107)